

Ahli tidak berdisiplin kena tindakan

BH -
16/6/06

KUALA LUMPUR: Beberapa pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) semalam mengaku pentingnya setiap ahli tidak membelakangkan disiplin parti dalam memberikan pandangan berhubung isu dibangkitkan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Malah, ada antara mereka mengakui parti mesti mengambil tindakan jika ada ahli bertindak keterlaluan hingga menjejaskan kerajaan yang didukung BN.

Naib Presiden MCA, Datuk Dr Chua Soi Lek, berkata MCA amat memberi keutamaan terhadap soal disiplin di kalangan ahli, malah penekanan bukan dalam parti tetapi dalam konteks BN.

"Dalam MCA sendiri apabila ada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kita menentang keputusan kerajaan BN, kita gantung keahlian mereka. Ini membuktikan MCA cukup mengutamakan disiplin parti.

"Kita tidak boleh ada parti yang ahlinya tidak berdisiplin kerana jika berlaku seperti itu, ia akan menghantar isyarat yang tidak baik dalam kerajaan yang diwakili parti," katanya di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kelmarin bahawa semua ahli 14 parti komponen BN terikat dengan disiplin parti masing-masing dalam menyuarakan pandangan berhubung persoalan dibangkitkan bekas Perdana Menteri itu.

Naib Presiden MIC, Datuk S Verasingam pula berkata, ahli tidak boleh sesuka hati membincangkan perkara sensitif menyentuh pentadbiran kerajaan secara terbuka.

"Ahli mesti tahu apa sepatutnya dan mereka boleh membincangkan perkara itu secara tertutup atau peringkat dalaman," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz juga bersetuju ahli BN termasuk dalam Umno yang ingkar, dikenakan tindakan disiplin.

Katanya, ahli yang partinya berada dalam BN, mesti menyokong dan mendukung kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.